

HIGHLIGHTS



Muka surat 3

**KPKT LAKSANA KERJA
PEMBERSIHAN BAUKSIT DI
KUANTAN**

BANDAR SIHAT



Muka surat 6 & 7

**KUALA TERENGGANU &
KLUANG RINTIS PROJEK
HEALTHY WALKABLE CITY**

AGENDA PERUMAHAN



Muka surat 11

**PELUNCURAN MYDEPOSIT
BANTU PEMBELI BIAYA
RUMAH PERTAMA**

AZAM BANDAR



Muka surat 12

**MURAI 2016 PAMER KISAH
KEJAYAAN PROGRAM AZAM
BANDAR**

Buletin KPKT

KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN



BIL.1/2016



**KONVENSYEN JPP:
PELUANG WAKIL KOMUNITI BERINTERAKSI
DAN ERAT KERJASAMA DENGAN KPKT**

Muka surat 4 & 5

SIDANG REDAKSI

Penasihat

YBhg. Datuk Haji Mohammad bin Mentek
Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Ketua Editor

Norhayati binti Abd Manaf
Ketua Unit Komunikasi Korporat

Penolong Ketua Editor

Rosyila binti Abdul Latif
Pegawai Perhubungan Awam

Noraidah binti Mohd Noor
Penolong Pegawai Perhubungan Awam

Sidang Pengarang

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
Jabatan Perumahan Negara
Jabatan Kerajaan Tempatan
Jabatan Landskap Negara
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)
Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata
Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Bahagian Undang-Undang
Bahagian Dasar dan Inspektorat
Bahagian Kewangan dan Perolehan
Bahagian Akaun
Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek
Bahagian Khidmat Pengurusan
Bahagian Keurusetiaan Strategik dan Hubungan Antarabangsa
Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadaai
Bahagian Kesejahteraan Bandar
Bahagian Perkhidmatan Perbandaran
Bahagian Sumber Manusia
Bahagian Teknologi Maklumat
Unit Audit Dalam
Unit KPI
Unit Integriti

Fotografi

Ahmad Marzuki bin Othman
Nadila binti Nordin
Shah Zanizam bin Shamsudin

Penerbit

Unit Komunikasi Korporat

TINTA PENNA

SIDANG REDAKSI

Assalamualaikum w.b.t, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia,

Rasa penuh kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya kita berjaya mengharungi tahun 2015 yang penuh dengan cabaran rentetan tempas kesuraman ekonomi dunia.

Tahun 2016 merupakan tahun pertama pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) iaitu perjalanan akhir negara mencapai wawasan sebuah negara maju pada tahun 2020. Mengorak perjalanan dalam tahun yang penting ini, seluruh rakyat Malaysia amnya dan penjawat awam khasnya perlu bersiap siaga mengharungi pelbagai dimensi cabaran yang akan menentukan kejayaan pelaksanaan strategi dan inisiatif RMKe-11.

Sebagai motivasi dan dorongan kepada warga KPKT untuk terus berusaha menyumbang tenaga dan jasa kepada negara tercinta, kami kongsi pesan YB Menteri kita, Datuk Abdul Rahman bin Dahlan semasa Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang KPKT 2015 untuk kita sama-sama hayati.

"Budaya cemerlang perlulah disemat dalam jiwa setiap warga Kementerian. Peranan anda adalah besar kerana setiap keputusan dan idea yang diimbuhkan – walau sekecil manapun sumbangannya, *you are in a position to transform this country towards a better nation!*"

Mengambil semangat tahun baharu ini, Buletin KPKT tampil dengan wajah baharu berkonsep rekaan yang lebih 'segar dan serlah'. Sidang redaksi juga berusaha menambah baik persembahan isi kandungan dan gaya penulisan buletin ini agar lebih mudah dibaca dan difahami oleh para pembaca. Kami amat mengalu-alukan komen dan cadangan penambahbaikan dari segi kandungan dan reka bentuk buletin ini daripada para pembaca.

Di kesempatan ini, sidang redaksi yang mewakili warga KPKT ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Datin Paduka Dr. Dahlia binti Rosly (Mantan Ketua Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia [JPBD]) yang telah bersara pada 16 Januari 2016. Kami juga mengucapkan tahniah kepada YBhg. Dato' Dr. Dolbani bin Mijan yang dilantik sebagai Ketua Pengarah, JPBD yang baharu.

Sidang Redaksi

Buletin KPKT Bil. 1/2016

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Editor Buletin KPKT amat mengalu-alukan sumbangan artikel daripada warga KPKT yang boleh dikemukakan kepada:

Unit Komunikasi Korporat,
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan,
Aras 2, No. 51 Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya
No. Tel.: (603) 8891 5599
No. Faks : (603) 8891 5557
E-mel: pro@kpkt.gov.my

YAB PERDANA MENTERI ARAH KPKT LAKSANA KERJA PEMBERSIHAN BAUKSIT DI KUANTAN

(Dipetik daripada kenyataan akhbar YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan bertarikh 13 Januari 2016)



YAB Dato' Sri Najib bin Tun Abdul Razak (Perdana Menteri) dalam mesyuarat Kabinet pada 13 Januari 2016 telah mengarahkan KPKT untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan di kawasan-kawasan yang terjejas akibat perlombongan bauksit di Kuantan, Pahang.

YAB Perdana Menteri mengambil maklum keluhan dan aduan yang diterima daripada penduduk tempatan yang terjejas akibat aktiviti perlombongan bauksit ini. Oleh yang demikian, YAB Perdana Menteri mahu pihak berkuasa tempatan (PBT), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) serta Alam Flora Sdn. Bhd untuk menyegerakan kerja-kerja pembersihan bagi memastikan kawasan yang terjejas untuk pulih seperti sedia kala. Kerja-kerja pembersihan ini telah dilaksanakan pada 14 Januari 2016.

Seramai 21 anggota bomba dari empat (4) balai dan tujuh (7) jentera berkuasa besar (empat (4) unit *fire rescue tender* dan tiga unit *water tanker*) terlibat dalam kerja-kerja pembersihan papan tanda, papan tunjuk arah, tiang lampu, dan pencucian permukaan jalan terutama di jalan yang terjejas teruk seperti di Jalan Kuantan-Pelabuhan, Jalan Bukit Goh, Jalan Bukit Kuantan, Jalan Sungai Lembing, Jalan Kuantan Bypass, Jalan Gebeng Bypass, Jalan Jerangau Jabor dan Jalan Bukit Sagu-Cherul.

Alam Flora Sdn Bhd, syarikat konsesi bagi kerja pembersihan sisa pepejal juga telah turun padang dengan kekuatan 14 jentera (*road sweeper, open tipper, catch basin vacall*) dan 40 orang anggotanya.

Tempoh masa pelaksanaan kerja-kerja pembersihan ini selesai dalam masa satu (1) bulan dari tarikh pelaksanaan dengan kerjasama agensi-agensi lain.



KONVENSYEN JPP: PELUANG WAKIL KOMUNITI BERINTERAKSI DAN ERAT KERJASAMA DENGAN KPKT

Konvensyen Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) bertemakan Pemangkin Kesejahteraan Rakyat telah dirasmikan oleh YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) pada 26 Mac 2016 bertempat di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang, Selangor.

Konvensyen JPP ini pertama kali dianjurkan bagi memberi peluang kepada anggota JPP untuk berinteraksi dengan pihak KPKT bagi mengeratkan lagi kerjasama antara Kerajaan dan wakil komuniti di samping bertukar-tukar pandangan khususnya dalam melaksanakan program-program komuniti yang mampu memberi kesejahteraan kepada rakyat.



**TAKLIMAT JPP
KEPADA MAJLIS
AHLI PARLIMEN
BARISAN
NASIONAL
(BNBBC)**

7 APRIL 2016



3 PENGISIAN KONVENSYEN JPP TAHUN 2016

Pelancaran Buku Gerak Kerja JPP

Buku Gerak Kerja JPP diterbitkan untuk membantu JPP merancang dan melaksanakan program kemasyarakatan mengikut keperluan penduduk setempat. Buku ini juga membolehkan JPP melaksanakan program terutamanya program di bawah inisiatif KPKT secara seragam. Inisiatif ini dirangka khas untuk menyemarakkan penyertaan penduduk dalam menjaga dan memelihara kawasan penempatan komuniti masing-masing dari aspek keselamatan, kesihatan, kebersihan dan keindahan.



Townhall YB Menteri KPKT bersama JPP

Sebagai platform YB Menteri menyampaikan amanat dan harapan bagi memastikan objektif penubuhan JPP sebagai jentera transformasi sosial di kawasan bandar bandar tercapai. Memberi peluang kepada JPP untuk berinteraksi terus dengan YB Menteri serta mengemukakan idea dan cadangan dalam usaha mewujudkan bandar yang sejahtera. Memberi peluang kepada JPP untuk berkongsi pengalaman sepanjang tempoh menerajui JPP di kawasan zon masing-masing.



Forum JPP: Pemangkin Kesejahteraan Rakyat

Moderator: YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique (Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Bandar)

Panel:

- YBrs. Dr. Badrul Hisham ("Hak Mendengar dan Hak Didengari")
- YBhg. Datuk Ayub Khan bin Mydin Pitchay ("Isu Keselamatan dan Ancaman Militer di Malaysia")
- YBrs. Prof. Dr. Jamal bin Othman ("Ekonomi Malaysia - Cabaran Semasa")



MESYUARAT YB TIMBALAN MENTERI BERSAMA Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) ZON TIMUR

28 FEBRUARI 2016





KUALA TERENGGANU RINTIS PROJEK HEALTHY WALKABLE CITY

Projek Perintis Healthy Walkable City Bandaraya Kuala Terengganu telah dirasmikan oleh YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) pada 30 Januari 2016.


Projek perintis ini dijayakan oleh KPKT melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) sejak tahun 2014. Selain Kuala Terengganu, satu lagi lokasi yang dipilih sebagai projek perintis ialah Kluang, Johor.

Objektif utama

Mengalakkan dan mempromosi amalan gaya hidup sihat dan aktif, meningkatkan jumlah penduduk berjalan kaki dan beriadah serta menggalakkan penggunaan pengangkutan awam dan mengurangkan kenderaan bermotor memasuki pusat bandar

Pembangunan projek perintis ini melibatkan:

- i. pembinaan laluan pejalan kaki berbumbung sepanjang 400 meter yang menghubungkan pusat tumpuan masyarakat iaitu Stesen Bas Kuala Terengganu dan Pasar Payang; dan
- ii. pelebaran laluan pejalan kaki selebar 10 kaki bagi mewujudkan keselesaan kepada pengguna selain reka bentuk laluan yang menerapkan elemen reka bentuk sejagat (*universal design*) dan elemen bandar selamat seperti penyediaan *tactile* bagi Orang Kurang Upaya (OKU) *ramp*, laluan zebra dan rel penghadang.





Projek Perintis Healthy City dan Publisiti Rancangan Kawasan Khas (RKK) Pengekalan dan Pemuliharaan Bangunan Warisan, Bandar Sihat dan Bandar Selamat di Bandar Kluang, Johor telah dilancarkan oleh YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique (Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) pada 11 Januari 2016.

Pembangunan projek ini melibatkan:

- i. cadangan laluan pejalan kaki dari Stesen Keretapi Kluang ke Taman Merdeka; dan
- ii. pembinaan laluan pejalan kaki berbumbung sepanjang 80 meter di Jalan Sultanah dan Jalan Dato' Tiew Siew Khor, pembinaan laluan pejalan kaki separa *mall* di hadapan Dewan Jubli Intan sepanjang 70 meter dan pembinaan laluan pejalan kaki di sekeliling Dewan Jubli Intan sepanjang 120 meter serta pembinaan *outdoor gym* dan pencahayaan di Taman Merdeka.

Projek ini merupakan salah satu cadangan pelaksanaan projek penaikan taraf elemen-elemen Program Bandar Selamat dan Program Bandar Sihat yang telah dikenal pasti dalam Rancangan Kawasan Khas (RKK) Pengekalan dan Pemuliharaan Bangunan Warisan, Bandar Sihat dan Bandar Selamat di Bandar Kluang yang telah disediakan.

Matlamat RKK ialah mengekalkan dan memulihara bangunan warisan untuk tatapan dan penghayatan generasi akan datang serta menjana aktiviti perniagaan di koridor warisan Kluang.



MNKT PERTIMBANG 5 KERTAS DARI KPKT



Pada 23 Februari 2016, YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi (Timbalan Perdana Menteri) telah mempengerusikan Mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan (MNKT) ke-70. Mesyuarat telah mempertimbangkan lima (5) kertas dari KPKT, seperti yang berikut:

- ▶ "Pengecualian Sementara" bagi Pemfailan Jadual Petak di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757] bagi Negeri-negeri yang Belum Mewartakan Kaedah-Kaedah Hak Milik Strata;
- ▶ Permohonan Pengecualian Pemakaian Seksyen 17, 18, 57 dan 92 Akta Pengurusan Strata 2013 ke atas Pembangunan dan Penyenggaraan Kompleks PR1MA;
- ▶ Permohonan Pengecualian Pemakaian Seksyen 17, 18 dan 57 Akta Pengurusan Strata 2013 ke atas Pembangunan dan Penyenggaraan Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M);
- ▶ Garis Panduan Perancangan Kawasan Perdagangan; dan
- ▶ Pelan Transformasi Pihak Berkuasa Tempatan "PBT di Hati Rakyat".



YB MENTERI TINJAU KEMAJUAN 1MALAYSIA YOUTH CITY (1MYC), TANJUNG MALIM

31 Januari 2016



Pada 13 Februari 2016, YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) telah menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Bazar Rakyat Kota Belud, Sabah.

Pembinaan bazar rakyat ini bermula pada Julai 2016 dan dijangka siap pada Disember 2018.

Bazar rakyat yang bakal menjadi satu lagi mercu tanda baharu Kota Belud ini dibina di kawasan seluas 0.74 hektar dengan kos RM19 juta.

Bazar rakyat tiga (3) tingkat ini dibangunkan dengan fasiliti lengkap dan selesa untuk para peniaga dan menerapkan ciri-ciri budaya tempatan Kota Belud. Pelbagai lot perniagaan akan disediakan merangkumi bahagian pasar basah, bahan kering, pakaian, kraftangan dan makanan bertujuan untuk meningkatkan ekonomi penduduk tempatan.



Pada majlis sama, YB Menteri turut menyampaikan Waran Peruntukan kepada Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah sebanyak RM60 juta serta cek Bantuan Kadar (RM34.7 juta) dan Geran Tahunan (RM35.9 juta) kepada PBT Sabah.





Majlis Perasmian Sambutan Hari Landskap Negara (HLN) 2016 yang bertemakan "Landskap Berfungsi Kehidupan Berkualiti" telah disempurnakan oleh YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Haji Adenan bin Haji Satem (Ketua Menteri Sarawak) pada 6 Mac 2016 di Dewan Undangan Negeri (Lama) Kuching, Sarawak. Beliau diiringi oleh YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan.

Dalam majlis perasmian ini, turut diadakan penyampaian *mock cheque* kepada Rakan Taman dan penyerahan Manual Pengurusan Turf di Padang Awam.

Pelbagai acara telah diatur bersempena dengan Sambutan HLN 2016 yang berlangsung dari 5 hingga 6 Mac 2016. Antaranya ialah Pameran Landskap oleh PBT Negeri Sarawak dan agensi-agensi,

Public Workshop – "Trees Maintenance & Turfing", Program 10000 Langkah, saringan kesihatan, senam robik, Pertandingan "Mural Painting" (Pelajar Sekolah, IPTA dan IPTS), Pertandingan Reka Bentuk Landskap (Sekolah Menengah/IPT) dan gerai jualan makanan dan produk landskap.

Acara kemuncak HLN 2016 ini ialah aktiviti penanaman 333 batang pokok di plot khas di Taman Botani Sarawak.

Sambutan HLN 2016 ini dijayakan oleh KPKT melalui Jabatan Landskap Negara (JLN) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sarawak melalui Kementerian Kerajaan Tempatan dan Pembangunan Komuniti (LGCD), Sarawak, Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Sarawak dan beberapa jabatan dan agensi peringkat Negeri Sarawak.

LANDSKAP BERFUNGSI KEHIDUPAN BERKUALITI



TAHUKAH ANDA?

Kerajaan telah mengisytiharkan 3 Mac setiap tahun sebagai Hari Landskap Negara (HLN) bersempena dengan tarikh pelancaran Kempen Menanam Pokok Seluruh Negara pada 3 Mac 1997. Tujuan utama HLN diadakan adalah untuk menggerakkan budaya kecintaan terhadap landskap dalam kalangan rakyat seluruh negara selaras dengan Teras 1 Dasar Landskap Negara: Membudayakan Kecintaan Terhadap Landskap. Ini juga bersesuaian dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia Negara Taman Terindah (NTT) menjelang tahun 2020.

OPS SEJAHTERA KOMUNITI PANTAU STATUS PENGHUNI PPR



Operasi Sejahtera Komuniti merupakan operasi penguatkuasaan dan pemantauan ke atas unit kediaman Program Perumahan Rakyat (PPR) di seluruh negara sebagai mana yang telah diputuskan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 13 Januari 2016.

Ops ini meliputi tiga (3) aspek yang berikut:

- i. penyewaan kepada pihak ketiga termasuk warga asing;
- ii. tunggakan bayaran sewa; dan
- iii. penyalahgunaan unit rumah.

Dengan kerjasama daripada agensi-agensi Kerajaan seperti pihak berkuasa tempatan (PBT), pihak berkuasa negeri, Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), beberapa siri Operasi Sejahtera Komuniti telah dilaksanakan, seperti yang berikut:



Bil.	Lokasi	Tarikh	Tindakan/Hasil Operasi
1.	PPR Jalan Segindai, Kinarut, Papar, Sabah	5 Mac 2016	66 orang penyewa diberi Notis Amaran dan Pengosongan kerana menyewakan semula unit mereka kepada pihak ketiga dan 50 orang penyewa diberi Notis Peringatan kerana gagal membayar sewa bulanan.
2.	PPR Jalan Pudu Ulu, Kuala Lumpur	2 Apr 2016	198 unit PPR telah disalahgunakan melibatkan unit yang mempunyai tunggakan sewaan bulanan dan disewakan kepada pihak ketiga.
3.	PPR Taman Dahlia, Langkawi, Kedah	24 Apr 2016	422 orang pemilik gagal membayar sewa bulanan sejak lebih 13 tahun lalu membabitkan tunggakan berjumlah RM1.6 juta.



MYHOME BANDAR DATO' ONN DIJUAL RM69,000 SEUNIT

Pada 12 April 2016, telah berlangsung Majlis Penyerahan Surat Tawaran Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome) Bandar Dato' Onn, Johor Bahru, Johor yang disempurnakan oleh YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique (Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Bandar).

Projek ini melibatkan pembinaan 1,000 unit rumah pangsapuri dengan keluasan minimum 850 kaki persegi oleh Pemaju Johor Land Bhd. Harga jualan seunit pangsapuri ini ialah RM99,000.00, namun pembeli hanya perlu membayar sebanyak RM69,000.00 dan baki RM30,000.00 merupakan subsidi yang ditanggung oleh Kerajaan.





PERDANA MENTERI LANCAR MYDEPOSIT

YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak (Perdana Menteri) telah mempengerusikan Mesyuarat Majlis Perumahan Negara (MPN), Siri 4, Bilangan 1 Tahun 2016 pada 6 April 2016.

Mesyuarat kali ini telah bersetuju terhadap pelaksanaan perkara-perkara yang berikut:

► **Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (MyDeposit)** mula dilaksanakan mulai **6 April 2016**

► Penjualan rumah berharga sehingga **RM300,000.00** hanya kepada pembeli rumah pertama akan mula dilaksanakan mulai **April 2016**



Perkara-perkara berikut juga diambil maklum:

i. Status Pelaksanaan **1 Juta Rumah Mampu Milik** menjelang tahun 2018 setakat 31 Disember 2015 ialah:

► **17 peratus** atau **183,755** unit rumah telah siap dibina

► **19 peratus** atau **214,011** unit sedang dalam pembinaan

► **28 peratus** atau **309,571** unit dalam pelbagai peringkat perancangan

ii. **Karnival Rumah Mampu Milik** secara bersepadu

YAB Perdana Menteri turut menyaksikan pertukaran dokumen perjanjian antara PR1MA dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang membolehkan PR1MA membina 786 unit kediaman di atas tanah milik TNB di Kajang, Selangor. 50 peratus daripada jumlah tersebut akan diperuntukkan untuk warga TNB, dan bakinya untuk orang awam yang berkecualan.



MyDeposit

Bantuan deposit 10 peratus
daripada harga jualan atau maksima

RM30,000.00

(yang mana lebih rendah)

Tempoh Permohonan
6 April - 30 Jun 2016

Syarat Permohonan

- Warganegara Malaysia
- Berumur 21 tahun ke atas
- Pembelian rumah pertama
- Pendapatan isi rumah RM10,000.00 dan ke bawah sebulan

Syarat Projek

- Projek perumahan berlesen
- Harga jualan rumah (projek baharu/sub-sale) RM500,000.00 ke bawah
- Projek perumahan swasta yang tidak mendapat subsidi/insentif/dana kerajaan
- Deposit dibayar ke akaun pemajuan perumahan (projek baharu) atau akaun peguam jual beli pembeli (sub-sale)

Moratorium

Sekatan penjualan **10 tahun** daripada tarikh Perjanjian Jual Beli (S&P) ditandatangani

Cara Memohon

Permohonan secara dalam talian
<http://ehome.kpkt.gov.my>

PROJEK MYHOME PERTAMA DI KUALA LUMPUR



Projek Impiana Sky Residensi @ Bukit Jalil yang merupakan projek perumahan pertama bagi skim MyHome di Kuala Lumpur telah disempurnakan majlis perasmian dan pengundian unitnya oleh YBhg. Datuk Mohamad Yusuff bin Ghazali (Ketua Pengarah, Jabatan Perumahan Negara) pada 10 April 2016.

Projek ini membabitkan pembinaan sebanyak 508 unit rumah pangsupuri dengan keluasan minimum 850 persegi oleh pemaju Wealth Plateau Sdn. Bhd.

Seramai 508 daripada 8,458 permohonan yang diterima telah terpilih melalui cabutan undi pada majlis ini.

Setiap unit berkenaan dijual dengan harga RM300,000.00 dan dijangka diserahkan kepada pembeli selepas projek berkenaan disiapkan sepenuhnya pada tahun 2018.



MURAL 2016 PAMER KISAH KEJAYAAN PROGRAM AZAM BANDAR

Pada 15 hingga 17 April 2016, bertempat di Dataran Bandaraya Ipoh, Perak telah berlangsung Karnival AZAM Bandar dan Seni Jalanan Urban Malaysia 2016 (MURAL 2016) anjuran KPKT dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perak, Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) dan People of Remarkable Talent (PORT).

MURAL 2016 telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir (Menteri Besar Perak) dan diiringi oleh YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique (Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan).

Karnival ini telah disertai oleh seramai 97 orang peserta AZAM Bandar dan kira-kira 700 orang para penggiat seniman jalanan.



“Karnival ini diadakan bertujuan untuk mewar-warkan kisah kejayaan (success story) program AZAM Bandar kepada komuniti bandar agar mampu memberikan tanggapan positif kepada program-program kerajaan, mempromosikan barangan dan perkhidmatan peserta Program AZAM Bandar, meluaskan jaringan (network) peserta ke seluruh negara serta memperkenalkan program-program di bawah KPKT.”



PENGISIAN KARNIVAL MURAL

1 Pembukaan gerai jualan oleh peserta AZAM Bandar



2 Aktiviti-aktiviti oleh para penggiat seniman jalanan



3 Pameran oleh jabatan dan agensi di bawah KPKT



FOOD RANGER 1.0: TRANSFORMASI PESERTA AZAM BANDAR KPKT DI KELANTAN DAN TERENGGANU

KPKT dengan kerjasama Pertubuhan Kebajikan Mahabbah Malaysia (MAHABBAH) telah menganjurkan Program Food Ranger 1.0 - Transformasi Peserta AZAM (Akhir Zaman Miskin) Bandar KPKT siri pertama pada 18 hingga 20 Mac 2016 bermula di Kelantan dan berakhir di Terengganu.

Program ini dilaksanakan bertujuan untuk memberi galakan dan sokongan kepada

peserta-peserta Program AZAM Bandar untuk terus berusaha meningkatkan pendapatan. Seramai 16 orang peserta yang telah mengikuti kursus makanan dan minuman di bawah MAHABBAH dan telah berjaya menjana pendapatan yang memberangsangkan telah dilawati.

Purata pendapatan yang diperolehi oleh peserta-peserta ini adalah antara RM2,000.00 hingga RM5,000.00 sebulan. Ada juga dalam kalangan peserta yang dapat menjana

pendapatan sehingga RM10,000.00 sebulan.

KPKT telah kerjasama dengan 13 Badan Bukan Kerajaan (NGO) terpilih yang melaksanakan program mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian melibatkan proses pencarian peserta, latihan kemahiran dan keusahawanan, pembekalan peralatan dan pemantauan. Sehingga tahun 2015, seramai 6,994 orang telah menyertai program ini.

KELANTAN

Jumlah peserta sehingga tahun 2015: 2,174 orang

Bagi tahun 2015, daripada 508 orang peserta yang menyertai program ini, 490 orang peserta telah berjaya meningkatkan pendapatan sekurang-kurangnya RM300.00 sebulan.



TERENGGANU

Jumlah peserta sehingga tahun 2015: 656 orang

Bagi tahun 2015, daripada 464 orang peserta yang menyertai program ini, 400 orang peserta telah berjaya meningkatkan pendapatan sekurang-kurangnya RM300.00 sebulan.

PESERTA BERJAYA

“Selepas menyertai program AZAM Bandar pada tahun 2015, saya seperti diberi semangat yang sangat berbeza dan teruja untuk memulakan perniagaan. Saya tidak sangka selepas menyertai program ini, keadaan saya dan keluarga berubah seperti hari ini. Sehingga kini, saya masih menerima bimbingan dari tenaga pengajar NGO. Kini saya tidak lagi bekerja dengan orang lain. Saya sangat bersyukur dan berterima kasih kepada KPKT dan MAHABBAH kerana menunjukkan saya jalan perniagaan.”

Encik Sahannuwi bin Isa
Pengusaha Kedai Mee Celup Pak Awi
Lot 344, Belakang Perumahan Sri Neting, 16200 Tumpat, Kelantan



“Program AZAM Bandar telah membuka mata dan minda saya untuk mengembangkan perniagaan yang dijalankan secara kecil-kecilan dan permintaan yang diterima juga semakin meningkat. Saya telah banyak belajar erti kehidupan sebenar dalam dunia perniagaan dan berharap dapat dimanfaatkan sebaik mungkin pada masa akan datang. Pihak MAHABBAH telah mengajar saya erti kata tiada halangan untuk memulakan perniagaan walau pun tiada modal yang besar.”

Puan Azizah binti Mohd
Pengusaha Kedai Makanan Panas dan Minuman
Lot 2001, Belakang Masjid Kubang Jela,
21200 Kuala Terengganu, Terengganu

COWTECH HASILKAN TENAGA DARIPADA SISA MAKANAN



YBhg. Datuk Haji Mohammad bin Mentek (Ketua Setiausaha, KPKT) telah turun padang ke Pusat Pencernaan Anaerobik di Pulau Tuba, Langkawi, Kedah pada 20 Februari 2016.

Pusat Pencernaan Anaerobik ini menggunakan Mesin 'Cowtech'. Mesin yang diperkenalkan oleh Environment Idaman Sdn. Bhd. ini merupakan teknologi dari Wong Panit, Thailand dan sangat sesuai digunakan untuk menghasilkan tenaga daripada sisa makanan.

Penggunaan mesin ini di Pulau Tuba bermula pada penghujung tahun 2014 iaitu setelah populasi penduduk mencecah kira-kira 3,000 orang dengan kadar penjejakan sisa isi rumah sebanyak 80 kilogram sehari.

YBhg. Ketua Setiausaha dan rombongan dibawa melihat mesin ini secara teknikal dan pengoperasiannya, bermula daripada kutipan sisa makanan dari tong-tong berpusat yang ada di sekitar Pulau Tuba dan dibawa masuk ke mesin Cowtech ini dan kemudiannya diproses sehingga menghasilkan tenaga gas. Beliau turut melakukan demonstrasi menggoreng popia menggunakan gas hasil daripada pencernaan anaerobik ini.

Pada masa ini, gas yang dijana hasil daripada pemprosesan mesin ini digunakan sebagai gas untuk memasak dan menghasilkan tenaga elektrik (lampu) yang digunakan untuk operasi Pejabat Environment Idaman Sdn. Bhd. di pulau ini.

AMAL 3R KURANGKAN PERBELANJAAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL

Lanjutan daripada Makmal Pengurusan Sisa Pepejal yang telah diadakan pada pertengahan tahun 2015, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) telah mengadakan Hari Terbuka Makmal Pengurusan Sisa Pepejal (*Lab Open Day*) pada 25 Februari 2016 di Cititel MidValley, Kuala Lumpur.

Program ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan). Hadir sama ialah

YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique (Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Bandar) dan YBhg. Datuk Haji Mohammad bin Mentek (Ketua Setiausaha, KPKT).

Hari terbuka ini diadakan bertujuan membentangkan dan mendapatkan maklum balas daripada pelbagai pihak berkepentingan berhubung dapatan makmal mengenai inisiatif-inisiatif dalam menjadikan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam lebih baik dan mesra alam.



“ Kerajaan telah belanja berbilion ringgit dan ini harus ditangani secara cepat dan menyeluruh menerusi peralihan amalan gaya hidup dan saya mengajak seluruh rakyat Malaysia untuk mengamalkan konsep 3R (*Reduce, Reuse, Recycle*) dalam memangkin usaha mengoptimumkan bajet negara dan seterusnya menjadikan Malaysia setanding dengan negara maju. ”

- Datuk Abdul Rahman bin Dahlan

PROJEK PERINTIS REKA BENTUK SEJAGAT DIRASMI



Majlis Penyerahan Projek Perintis Reka Bentuk Sejagat (*Universal Design*) telah diadakan di Taman Rahmat, Pulau Kerangga, Marang, Terengganu pada 19 Mac 2016.

Projek ini dibiayai oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD) dengan kos RM250,000.00 untuk kemudahan golongan orang kurang upaya (OKU).

Majlis penyerahan ini telah dirasmikan oleh YB Tuan A. Latiff bin Awang, Pengerusi Jawatankuasa Transformasi Kerajaan, Komunikasi dan Multimedia Negeri dan diiringi oleh YBhg. Dato' Dr. Dolbani bin Mijan (Ketua Pengarah, JPBD).



APA ITU REKA BENTUK SEJAGAT?

Pengenalan

Reka bentuk persekitaran dan produk yang boleh digunakan secara meluas oleh semua golongan individu tanpa memerlukan sebarang adaptasi atau rekaan khas.

Sebagai contohnya, penyediaan *ramp* bukan sahaja dapat memudahkan kebolehpakaian oleh golongan OKU yang menggunakan kerusi roda, namun dapat memudahkan seseorang yang menolak kereta sorong bayi dan pekerja yang menolak troli.

Konsep

Setiap individu mempunyai akses kepada semua tempat dan kemudahan pada setiap masa.

Mempengaruhi reka bentuk kediaman, tempat kerja, pengangkutan, perhubungan, peralatan komputer, perabot serta apa-apa produk dan perkhidmatan untuk memenuhi keperluan harian dan kehidupan semua golongan individu.

Bebas halangan (*barrier free*) atau reka bentuk mudah akses (*accessible design*) bertujuan untuk memberi akses dan menghapuskan halangan fizikal kepada golongan OKU.

7 Prinsip

(berdasarkan kepada Center for Universal Design, North Carolina State University)

- Mampu Guna (*Equitable Use*)
- Penggunaan Fleksibel (*Flexibility in Use*)
- Penggunaan Mudah dan Intuitif (*Simple and Intuitive Use*)
- Daya Penyampaian Maklumat Mudah (*Perceptible Information*)
- Kesilapan Minimum (*Tolerance for Error*)
- Rendah Keupayaan Fizikal (*Low Physical Effort*)
- Kesesuaian dan Kecukupan Saiz dan Ruang (*Size and Space for Approach and Use*)

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.townplan.gov.my

SEMINAR MEMPERKUKUH DAYA TAHAN BANDAR-BANDAR DI MALAYSIA TERHADAP RISIKO BENCANA 2016

1 Mac 2016



INTERNATIONAL SYMPOSIUM ON LOW CARBON DEVELOPMENT IN ASIA 2016

21 April 2016



DIARI AKTIVITI



08 JAN Tinjauan YB Menteri ke Pusat Kecemerlangan Kesejahteraan Bandar (CoE)



09 JAN Lawatan Kerja YBhg. Ketua Setiausaha ke Balai Bomba dan Penyelamat Pulau Pangkor, Perak



09 JAN Lawatan Kerja YBhg. Ketua Setiausaha ke Insinerator Pulau Pangkor, Perak



12 JAN Perhimpunan Bulanan KPKT



18 JAN Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pemantauan Pelaksanaan Keputusan Majlis Perumahan Negara Siri 1 Bil. 1/2016



21 JAN Taklimat Pelan Transformasi PBT 'PBT di Hati Rakyat' kepada Ketua Menteri Melaka



22 JAN Lawatan Kerja YBhg. Ketua Setiausaha ke Tapak Projek PPR Semporna, Sabah



23 JAN Lawatan Kerja YBhg. Ketua Setiausaha ke Balai Bomba dan Penyelamat Semporna, Sabah



24 JAN Lawatan Kerja YBhg. Ketua Setiausaha ke Tapak Perupusan Sampah Kayu Madang, Sabah



04 FEB Lawatan Kerja YB Menteri ke Pusat Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Bukit Tagar, Selangor



05 FEB Mesyuarat Agung Tahunan ke-33 PUSPANITA Cawangan KPKT



11 FEB Kunjungan Hormat YAB Ketua Menteri Melaka

DIARI AKTIVITI



15 FEB Majlis Mesra YB Menteri bersama warga KPKT dan Sambutan Tahun Baru Cina 2016



20 FEB Lawatan Kerja YBhg. Ketua Setiausaha ke Balai Bomba dan Penyelamat Pulau Langkawi, Kedah



20 FEB Lawatan Kerja YBhg. Ketua Setiausaha ke Insinerator Pulau Langkawi, Kedah



22 FEB Mesyuarat Pelaksanaan Transformasi PBT Peringkat Zon Utara



28 FEB Mesyuarat Pelaksanaan Transformasi PBT bersama Datuk Bandar dan YDP Peringkat Zon Timur



07 MAC Kunjungan Hormat Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA)



27 MAC Lawatan Kerja YBhg. Ketua Setiausaha ke Tandas Awam Batu 13, Kelantan (Program NBOS: My Beautiful Malaysia)



13 APR Taklimat Khas & soal jawab bersama media berkaitan MyDeposit, MyHome & rumah mampu milik RM300,000 kepada pembeli rumah pertama



15 APR Lawatan Delegasi Denmark ke atas YB Timbalan Menteri



19 APR Sesi Dialog Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) bersama dengan KPKT



25 APR Lawatan Kerja YB Menteri ke Pusat Pemindahan Sisa Pepejal Miri, Sarawak



25 APR Program YB Menteri bersama JBPM Lopeng, Miri, Sarawak



YB MENTERI RASMI GALERI KPKT

Galeri KPKT telah dirasmikan oleh YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan pada 12 Januari 2016. Galeri ini terletak di Aras 1, KPKT.

Galeri yang diselenggarakan oleh Unit Komunikasi Korporat ini dibuka kepada orang awam pada hari Isnin hingga Jumaat dari pukul 8.30 pagi hingga 4.30 petang.

Berkonsepkan korporat, bersih, ringkas dan elegan, galeri berkeluasan 318 meter persegi ini mempamerkan pelbagai maklumat dan produk KPKT dan jabatan di bawahnya.



PERLU CARI 'WOW FACTORS' SEBAGAI SASARAN TINGKATKAN LAGI NAMA KPKT

Mesyuarat Sasaran Kerja Tahunan (SKT) 2015 dan Perancangan SKT 2016 KPKT telah diadakan pada 16 hingga 17 Januari 2016 yang dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Mohammad bin Mentek (Ketua Setiausaha, KPKT).

Mesyuarat ini diadakan bertujuan untuk membentangkan pencapaian SKT keseluruhan bahagian dan jabatan di bawah KPKT bagi tahun 2015 serta membincangkan perancangan SKT bagi tahun 2016. Ringkasan SKT 2015 dan 2016 adalah seperti yang berikut:



Sebagai rumusan, YBhg. Datuk Pengerusi mengingatkan agar semua setiausaha bahagian dan ketua jabatan tidak hanya menekankan pada aktiviti-aktiviti rutin atau kerja-kerja hakiki untuk dijadikan sasaran kerja jabatan dan bahagian, bahkan setiap jabatan dan bahagian perlu mencari sesuatu 'wow factor' yang boleh menaikkan nama KPKT ke peringkat yang lebih tinggi.

224 WARGA TERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG KPKT TAHUN 2015

Majlis Anugerah Pehkhidmatan Cemerlang (APC) KPKT Tahun 2015 telah diadakan pada 29 Februari 2016 bertempat di Dewan Kristal, KPKT bagi meraikan seramai 224 orang penerima APC.

Majlis telah disempurnakan oleh YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) dan diserikan dengan kehadiran YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique (Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Bandar) dan YBhg. Datuk Haji Mohammad bin Mentek (Ketua Setiausaha, KPKT).

“ Saya mengambil kesempatan ini sekali lagi untuk mengucapkan tahniah kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun KPKT 2015. Budaya cemerlang perlulah disemat dalam jiwa setiap warga Kementerian. Peranan anda adalah besar kerana setiap keputusan dan idea yang diimbuhkan – walau sekecil manapun sumbangannya, *you are in a position to transform this country towards a better nation!* ”

- Datuk Abdul Rahman bin Dahlan



KPKT CAPAI 5 BINTANG PENGIKTIRAFAN AGENSI SEKTOR AWAM & PETUNJUK PRESTASI UTAMA HRMIS



PEMBUDAYAAN INTEGRITI PERKEMAS URUS TADBIR KEMENTERIAN

Dalam usaha memperkemas urus tadbir KPKT, pembudayaan integriti dalam kalangan warga menjadi salah satu aspek yang sentiasa ditekan oleh pihak Pengurusan Tertinggi KPKT. Sehubungan dengan itu, Unit Integriti KPKT telah menganjurkan kursus, ceramah dan bengkel seperti yang berikut:

1 BENGKEL CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM) 2.0

Bengkel Corruption Risk Management (CRM) 2.0 telah diadakan pada 17 hingga 18 Februari 2016 di Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (I-KPKT).

Seramai 30 orang peserta warga KPKT telah menghadiri bengkel yang dianjurkan dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ini.

Bengkel ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta mengenai gejala rasuah dalam sektor awam seterusnya mengenal pasti risiko rasuah bagi menghindari unsur-unsur penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan yang memberi impak negatif kepada tadbir urus sesebuah kementerian.



2 CERAMAH INTEGRITI

Ceramah Integriti telah berlangsung pada 31 Mac 2016 di Bilik Seminar Aras 15, KPKT dan dihadiri oleh 45 orang peserta warga KPKT.

Objektif ceramah ini ialah memberi pendedahan kepada peserta mengenai isu-isu penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa penjawat awam di Malaysia seterusnya memperkukuhkan integriti dan memantapkan urus tadbir kementerian.

Tajuk-tajuk ceramah dalam program ini ialah:

- Isu-isu Penyelewengan dan Penyalahgunaan Kuasa Penjawat Awam di Malaysia yang disampaikan oleh Encik Johari bin Ismail (Kementerian Dalam Negeri, KDN); dan
- Jenayah Siber dan Penyalahgunaan Media Sosial yang disampaikan oleh ACP Noordin bin Ismail (Polis Diraja Malaysia, PDRM).



3 KURSUS KESEDARAN FRAUD DALAM SEKTOR AWAM

Kursus Kesedaran Fraud Dalam Sektor Awam telah berlangsung pada 20 dan 21 April 2016 di Bilik Seminar Aras 15, KPKT. Kursus telah disertai oleh 30 orang peserta warga KPKT.

Objektif kursus ini ialah untuk meningkatkan pemahaman dan kesedaran warga KPKT mengenai fraud dan langkah-langkah pencegahan seterusnya memperkukuhkan integriti dan memantapkan urus tadbir kementerian.

Penceramah bagi kursus ini ialah Encik Wong Chai Looi (bekas pegawai Institut Integriti Malaysia), Tuan Zarizal bin Ahmad (SPRM) dan Encik Johari bin Ismail (Ketua Audit Dalam, KDN).





EKSA BANTU TRANSFORMASI IMEJ KPKT



Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) ialah penjenamaan semula pelaksanaan Amalan 5S bagi mewujudkan persekitaran kerja yang berkualiti secara sistematik dan praktikal.

Pelancaran EKSA KPKT telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Haji Mohammad bin Mentek (Ketua Setiausaha, KPKT) pada 2 Mac 2016.

Pelaksanaan EKSA di KPKT ini akan membantu mentransformasi imej KPKT dengan mempamerkan imej yang lebih korporat selaras dengan perkembangan semasa sektor awam. EKSA juga akan menyemarakkan kreativiti dalam kalangan warga KPKT dan menggalakkan pembudayaan amalan hijau yang sememangnya dekat dengan KPKT selaras dengan pelaksanaan pengasingan sisa pepejal di punca.



AKTIVITI EKSA KPKT

26 Jan

Taklimat
Pelaksanaan
EKSA



25 Feb

Lawatan
Penanda
Arasan ke
Jabatan
Akauntan
Negara



11 Mac

Pelancaran
Gotong-Royong
Perdana



31 Mac

Audit Dalam
EKSA KPKT
Bil. 1/2016



KPKT TERPILIH RINTIS PROJEK 1GovEA

GOVERNMENT ENTERPRISE ARCHITECTURE

Enterprise Architecture (EA) merupakan satu lagi inisiatif Kerajaan dalam memperkasa dan meningkatkan penyampaian Kerajaan Digital yang seragam dan menyeluruh melalui penajajaran strategi bisnes dan ICT.

Sebagai langkah permulaan, pembangunan EA untuk sektor awam dilaksanakan melalui Projek Pembangunan EA Sektor Awam Fasa I yang mengambil masa 18 bulan iaitu mulai November 2015 hingga Mei 2017.

Pembangunan EA Fasa I ini dibangunkan berdasarkan Pelan Induk 1GovEA yang telah

diterajui pembangunannya oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) pada tahun 2014.

KPKT telah dipilih sebagai Kementerian perintis untuk melaksanakan projek ini melalui dua (2) program utama Kementerian iaitu:

- ▶ Program Perumahan; dan
- ▶ Program Pinjaman Wang dan Pajak Gadaai.

Pembangunan EA di KPKT akan dilaksanakan bermula Julai 2016 dan tamat pada Mei 2017.



Antara faedah yang dijangka dalam pelaksanaan projek EA ini ialah:

- ▶ penyimpanan artifak EA secara berpusat oleh semua agensi sektor awam;
- ▶ pembudayaan kerja berdasarkan standard, inovasi, integrasi dan perkongsian maklumat; dan
- ▶ penjimatan kos melalui konsolidasi dan penggunaan ICT bagi mengoptimumkan sumber Kerajaan.

FAKTA INSIDEN KEMATIAN LEMAS

Purata 596 kes kematian akibat lemas setahun

Nisbah lebih kurang **2 kematian** setiap hari dalam setahun

Lokasi kejadian lemas yang tertinggi sepanjang tahun:

- ▶ **sungai/tali air**
(purata 57 peratus kes setahun)
- ▶ **pantai**
(purata 25 peratus kes setahun)
- ▶ **tasik/lombong**
(purata 12 peratus kes setahun)

Kanak-kanak dan remaja merupakan golongan paling ramai terlibat (hampir 50 peratus daripada jumlah kematian):

- ▶ 5 - 14 tahun (693 kes)
- ▶ 15 - 24 tahun (677 kes)
- ▶ 25 - 34 tahun (452 kes)

Sumber: Statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia bagi tahun 2009 hingga 2013

Negeri yang merekodkan kes lemas tertinggi:

- ▶ **Sarawak** (218 kes)
- ▶ **Selangor** (142 kes)
- ▶ **Sabah** (136 kes)

Sumber: Statistik daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bagi tempoh 2012 hingga 2015

2 NYAWA LEMAS SEHARI - PENUBUHAN MKAA BANTU KURANGKAN INSIDEN KEMATIAN LEMAS

(Dipetik daripada kenyataan YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan bertarikh 7 Januari 2016)

Jemaah Menteri pada 7 Januari 2016 telah meluluskan Kertas Memorandum Penubuhan Majlis Keselamatan Aktiviti Air (MKAA) yang dibawa oleh KPKT.

MKAA akan dipengerusikan oleh YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan ahli-ahlinya yang terdiri daripada badan-badan Kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), swasta serta anggota lain akan dilantik oleh Majlis dari semasa ke semasa.

Majlis akan dibantu oleh Jawatankuasa Eksekutif yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha, KPKT dan disokong oleh Jawatankuasa Khas.

MKAA juga akan mendapat kerjasama dari Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi membantu memperkemas aktiviti-aktiviti dan juga penguatkuasaan.

Dengan tertubuhnya majlis ini, diharapkan agar kadar lemas di air dapat dikurangkan apabila rakyat mulai sedar akan pentingnya keselamatan air. Selain itu, penguatkuasaan dapat dijalankan bagi ketidakpatuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang telah termaktub.

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) akan memainkan peranan dalam memberi pendidikan dan mengadakan kempen kesedaran agar rakyat lebih bersedia dan mahir sewaktu menjalankan aktiviti air dan semasa menghadapi bencana di air.

Diharapkan dengan tertubuhnya MKAA ini akan menjadi platform yang dapat membincangkan isu-isu yang berkaitan keselamatan air dan mencari kaedah penyelesaian yang sesuai.



'BAYI' TRAGEDY RUNTUHAN HIGHLAND TOWERS BERTEMU WIRA PENYELAMAT

Setelah hampir 23 tahun, 'bayi' bernama Nur Hamidah binti Mohd Nadjib yang terselamat dalam Tragedi Runtuhan Kondominium Highland Towers di Ulu Kelang, Selangor pada 11 Disember 1993 akhirnya berjaya dipertemukan dengan salah seorang anggota pasukan bomba dan penyelamat iaitu Tuan Norizan Saad (Penguasa Bomba Kanan Bomba II) pada 27 Mac 2016.

Berikutan pertemuan tersebut, JBPM telah mengatur satu sidang media pada 29 Mac 2016 yang telah dihadiri oleh YAS Datuk Wira Hj. Wan Mohd Nor bin Haji Ibrahim (Ketua Pengarah, JBPM), Tuan Norizan Saad, Cik Nur Hamidah dan ibunya, Puan Umi Rasyidah binti Khoiruman.





JBPM TERIMA JENTERA, BOMBA SUKARELA TERIMA ALATAN

YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Kenderaan dan Peralatan Kebommbaan JBPM pada 19 Januari 2016 bertempat di Perkarangan Ibu Pejabat, JBPM Putrajaya.

YB Menteri juga turut menyampaikan peralatan kebommbaan kepada Pasukan-pasukan Bomba Sukarela dari Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka disusuli dengan Pelancaran *Emergency Response Team* JBPM Putrajaya serta penyerahan kenderaan dan peralatan kebommbaan oleh syarikat pembekal kepada YB Menteri.



PERBARISAN TAHUNAN 2016 JBPM

Majlis Perbarisan Tahunan 2016 JBPM telah disempurnakan oleh YAS Datuk Wira Haji Wan Mohd Nor bin Haji Ibrahim di Ibu Pejabat JBPM, Putrajaya pada 19 Januari 2016.

Semasa majlis, YAS Ketua Pengarah melakukan pemeriksaan kawalan kehormatan dan telah menyampaikan sijil penghargaan kepada pengamal media dan orang awam yang banyak menyumbang dalam mempromosikan peranan dan fungsi JBPM sebagai tonggak penyelamatan negara.

Selain itu, YAS Ketua Pengarah juga turut menyempurnakan Pelancaran Pelan Integriti Bomba 2016-2018 dan Pelancaran Pelaksanaan Amalan 5S Peringkat Ibu Pejabat JBPM.



JBPM BAKAL MILIKI DUA UNIT HELIKOPTER AGUSTA WESTLAND AW 189



Pada 15 Februari 2016 telah berlangsung Majlis Penyerahan Surat Setuju Terima (SST) Pembekalan Dua (2) Unit Helikopter Agusta Westland AW 189 untuk kegunaan JBPM bertempat di Bilik Media KPKT

Penyerahan SST ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Haji Mohammad bin Mentek (Ketua Setiausaha, KPKT) kepada Yang Mulia Tengku Ezrique Ezzuddean bin Tengku Dato' Ardy Esfandari (Pengarah Urusan, Syarikat TPG Aeronautik Sdn. Bhd.).

Dua (2) unit helikopter ini akan ditempatkan di Kota Kinabalu, Sabah sebaik sahaja Pangkalan Udara JBPM Kota Kinabalu siap pada tahun 2018. Helikopter ini akan digunakan bagi melakukan operasi menyelamat (*search and rescue*) dan memadam kebakaran khususnya di Negeri Sabah dan Sarawak dan juga memberikan bantuan udara kepada agensi-agensi kerajaan yang lain sama ada untuk kegunaan operasi menyelamat atau penerbangan ehsan.

Selesa & Sejahtera

EKSA



Dasar EKSA KPKT

“KPKT komited mengamalkan budaya organisasi berprestasi tinggi melalui penyediaan persekitaran kerja yang kondusif dan budaya kerja yang positif”

EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM

Visi EKSA KPKT

Mewujudkan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan berkualiti untuk meningkatkan produktiviti dan imej bagi memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggan dan pemegang taruh / *stakeholder* melalui amalan dan pembudayaan EKSA.

Misi EKSA KPKT

Menyemarakkan budaya kreativiti dan inovasi di kalangan warga KPKT melalui pelaksanaan strategi mengoptimumkan perbelanjaan untuk mewujudkan persekitaran tempat kerja kondusif yang berimpak positif terhadap kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

1

MENAMBAHBAIK
persekitaran tempat kerja.

2

MENINGKATKAN
kualiti kerja dan produktiviti semua
warga kerja Kementerian.

3

MENGURANGKAN
pembaziran sumber, ruang,
masa dan tenaga.

4

MENAMBAHBAIK
budaya kebertanggungjawaban
di kalangan warga Kementerian.

5

MENINGKATKAN
semangat berpasukan.

6

MENAMBAHBAIK
imej korporat Kementerian dan daya
saing antara Kementerian demi
mencapai visi dan misi.

Objektif EKSA KPKT

Pengenalan EKSA KPKT

- Ekosistem Kondusif Sektor AWAM (EKSA) adalah penjenamaan semula Pelaksanaan Amalan 5S untuk memenuhi keperluan sektor awam.
- Pelaksanaan EKSA mempunyai matlamat yang sama untuk mewujudkan persekitaran kerja yang berkualiti secara sistematik dan praktikal.
- EKSA yang berkesan dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan, menjimatkan kos dan memudahkan proses kerja.
- EKSA berupaya memperkukuhkan lagi Sistem Pengurusan Kualiti berasaskan Standard MS ISO 9001, dalam memenuhi keperluan klausa Pengurusan Sumber berkaitan Persekitaran Kerja.
- EKSA yang cekap, berkesan dan konsisten akan memberi nilai tambah kepada imej korporat KPKT secara keseluruhan.



Untuk maklumat lanjut mengenai EKSA KPKT, sila muat turun Buku Panduan Pelaksanaan EKSA KPKT dari Laman Web KPKT www.kpkt.gov.my

MAKLUM BALAS

Sebarang maklum balas/aduan berkaitan KPKT dan jabatan/bahagian di bawahnya, sila layari <https://aduan.kpkt.gov.my> atau hubungi 03-8000 8000